

24 NOV 1997

Cuti - Kadir

BERCUTI DALAM NEGERI SEBAGAI LANGKAH BERJIMAT CERMAT

Langkawi 24 Nov (Bernama) -- Semua rakyat di negara ini dinasihat bercuti dalam negeri sebagai satu langkah berjimat cermat bagi mengawal pengaliran keluar wang negara.

Anggota Majlis Tertinggi UMNO Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata langkah itu selaras dengan keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO baru-baru ini yang tidak membenarkan anggotanya ke luar negeri untuk bercuti tahun ini.

Beliau berkata inilah keazaman dan komitmen yang dapat ditunjukkan oleh ahli MT dalam menghadapi situasi kejatuhan nilai ringgit dan dalam masa yang sama turut menghormati nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Kadir yang juga Timbalan Menteri Sumber Manusia berkata kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Sumber Manusia Negeri Kedah di sini hari ini.

Beliau turut meminta rakyat Malaysia supaya mengurangkan pembelian barangan luar negara sebaliknya membeli barangan buatan tempatan.

Sementara itu, beliau yang turut mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Perumahan Negeri berkata, dasar perumahan negeri yang lama akan dikemaskinikan bagi memudahkan semua pihak.

Katanya, semua pandangan yang dibentang oleh anggota jawatankuasa itu akan diserahkan kepada Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid untuk diputuskan dalam mesyuarat exco.

Jawatankuasa itu dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan termasuk Unit Perancang Ekonomi Negeri, pegawai-pegawai daerah dan pihak berkuasa, jelasnya. -- BERNAMA

ZI/MAN WAT